

20/09/2003

Tidak automatik jadi calon (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketua penaja Umno bahagian tidak semestinya secara automatik dipilih sebagai calon pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, soal calon ditentukan Presiden Umno dan tiada jaminan ketua bahagian akan terus dipilih bertanding atau menjadi salah satu syarat dalam kriteria pemilihan.

Pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti itu, di sini, petang semalam, Dr Mahathir berkata, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepemimpinan Umno, akan menentukan calon pilihan raya umum akan datang.

"Tapi saya tak boleh jamin, masa itu orang lainlah buat keputusan. Tapi hakikatnya ialah ketika pilihan raya, yang memilih calon adalah presiden," katanya sambil menoleh ke arah Abdullah yang duduk di sebelah kanannya.

Bagaimanapun, apabila ditanya ramai pihak kini melobi untuk dipilih sebagai ketua penaja Umno bahagian kononnya sebagai jaminan akan dicalonkan dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Dia lobi dengan press ke sekarang?"

Abdullah pada sidang media yang sama pula berkata, beliau akan mengekalkan tradisi dalam soal pemilihan calon.

Timbalan Presiden Umno itu tidak menjelaskan tradisi yang dimaksudkan, tetapi mengikut amalan, Umno tidak secara automatik memilih ketua bahagian sebagai calon.

Isu itu timbul berikutan kegiatan melobi untuk menjadi ketua penaja Umno bahagian dikatakan sudah berlaku khususnya bagi 25 kawasan Parlimen baru yang diwujudkan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno berkata, beliau turut memberi taklimat kepada mesyuarat MT mengenai penubuhan jawatankuasa penaja bahagian.

"Ini kerana soal ini masih menjadi tanda tanya ahli Umno. Keputusan yang kita buat ialah kita akan tubuhkan jawatankuasa itu secepat mungkin sebaik saja kawasan (pilihan raya) diwartakan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengerusi badan perhubungan Umno negeri akan mengemukakan senarai cadangan jawatankuasa Umno bahagian di tempat masing-masing kepada jawatankuasa pengurusan parti.

"Badan pengurusan akan menentukan kriteria (pemilihan) untuk jawatankuasa yang hendak ditubuhkan itu," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya nanti akan memutuskan tempoh masa bila penubuhan jawatankuasa penaja itu.

Mesyuarat MT Umno pada 31 Julai lalu membuat keputusan membubarkan jawatankuasa di semua 165 bahagian Umno, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu akan ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Berikutan keputusan itu juga, mereka yang menjadi ahli jawatankuasa bahagian sekarang boleh dilantik semula atau diganti dengan orang baru. Keputusan menentukan pelantikan penaja akan dibuat oleh Umno Pusat walaupun Perhubungan Umno Negeri boleh mengemukakan cadangan.

Penubuhan jawatankuasa penaja bagi 25 kawasan baru dilakukan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah diluluskan Parlimen pada Jun lalu.

Persempadanan semula itu membabitkan pertambahan 25 kerusi Parlimen menjadi 219 berbanding 194 sekarang manakala Dewan Undangan Negeri (DUN)

bertambah 63 kerusi menjadi 503 berbanding 440 ketika ini.

Johor mendapat tambahan enam kerusi Parlimen, lima (Selangor); tiga (Pahang); dua (Pulau Pinang) dan masing-masing satu bagi Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Negeri Sembilan; Melaka dan lima kerusi Parlimen bagi Sabah.